

1. Sejak kedua-dua orang ibu bapanya meninggal dunia, masalah yang dihadapinya dat _____.

- ☐ A bertalu-talu
- ☐ B bertubi-tubi
- ☐ C bertimpa-timpa
- ☐ D bertimbun-timbun

2. Suasana di majlis jamuan itu menjadi _____ apabila bekalan elektrik terputus dengan tiba-tiba.

- ☐ A kucar-kacir
- ☐ B lintang-kedak
- ☐ C porak-peranda
- ☐ D pontang-panting

3. Pokok _____ yang ditanam oleh Badrul dan adiknya di kebun sayur mereka itu hidup subur.

- ☐ A bebuli
- ☐ B dedalu
- ☐ C dedaun
- ☐ D bebawang

4. Suara emak dan tetamu kami _____ kedengaran dari bilik saya.

- ☐ A jauh-jauh
- ☐ B sayup-sayup
- ☐ C terang-terang
- ☐ D samar-samar

5. Abang membelikan adik tiga cucuk _____ ayam dan daging ketika mereka pergi ke pasar tani pagi tadi.

- ☐ A bebenang
- ☐ B bebola
- ☐ C bebuli
- ☐ D bebiri

6. Sabaruddin _____ ke tempat kerjanya di Kuala Lumpur kerana dia sudah lewat.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B terketar-ketar
- ☐ C terkocoh-kocoh
- ☐ D termangu-mangu

7. _____ tentang kes penipuan dalam talian menunjukkan peningkatan sejak akhir-akhir ini dan kesemua mangsa telah mengalami kerugian ratusan ribu ringgit.

- ☐ A Cadangan-cadangan
- ☐ B Kritikan-kritikan
- ☐ C Ulasan-ulasan
- ☐ D Aduan-aduan

8. _____ waris keluarga yang ditimpa kemalangan ngeri itu masih kedengaran di bilik _____.

- ☐ A Corat-coret
- ☐ B Sedu-sedan
- ☐ C Kumat-kamit
- ☐ D Desas-desus



9. Suasana di dalam kelas Tingkatan 3 Kejora itu _____ sewaktu ketiadaan guru yang sedang bermesyuarat di bilik guru.

- ☐ A haru-biru
- ☐ B kucar-kacir
- ☐ C riuh-rendah
- ☐ D tunggang-langgang

10. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Ayah memandu kereta dengan berhati-hati ketika melalui jalan yang _____ dan sempit itu.

- ☐ A berliku-liku
- ☐ B bertubi-tubi
- ☐ C berderet-deret
- ☐ D berdekah-dekah

11. Suasana di dalam bilik mesyuarat itu _____ apabila kedua-dua belah pihak berbalah.

- ☐ A huru-hara
- ☐ B hingar-bingar
- ☐ C lintang-pukang
- ☐ D porak-peranda

12. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Suatu masa dahulu, Melaka merupakan pusat pembekalan _____ yang terpenting di Asia Tenggara.

- ☐ A kuih-muih
- ☐ B beras-petas
- ☐ C sayur-mayur
- ☐ D rempah-ratus

13. Kenakalan Muzamir semakin _____ kerana tiada sesiapa pun yang berani menegak.

- ☐ A menjadi-jadi
- ☐ B menyala-nyala
- ☐ C berkobar-kobar
- ☐ D melonjak-lonjak

14. Oleh sebab terlalu rindu akan anaknya, nenek tua itu _____ nama anaknya setiap kali terjaga daripada tidur.

- ☐ A menyebut-nyebut
- ☐ B menolak-nolak
- ☐ C menarik-narik
- ☐ D menilik-nilik

15. "Sekiranya kamu terus _____ begini, pasti semua kerja kamu tidak akan selesai," tegur Pak Husin kepada Lisa.

- ☐ A hingar-bingar
- ☐ B remuk-redam
- ☐ C gundah-gulana
- ☐ D mundar-mandir

16. "_____ Shira merajuk kerana kita selalu mengusiknya," kata Yuet Moi kepada Mageswary.

- ☐ A Agak-agak
- ☐ B Lama-lama
- ☐ C Kalau-kalau
- ☐ D Entah-entah

17. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Beberapa ekor ayam _____ kepak di halaman rumah nenek.

- ☐ A menepis-nepiskan
- ☐ B mengibar-ngibarkan
- ☐ C melayang-layangkan
- ☐ D mengibas-ngibaskan

18. Sayur yang dijual di pasar tani itu _____ kerana dipetik dari kebun pada _____ pagi.

- ☐ A baik-baik ...cepat-cepat
- ☐ B segar-segar ... awal-awal
- ☐ C muda-muda ... lama-lama
- ☐ D molek-molek ... mula-mula

19. Abang Hazim tidak dapat membuka skru pada enjin motosikalnya kerana _____nya telah haus.

- ☐ A jejari
- ☐ B kekisi
- ☐ C kekunci
- ☐ D bebenang

20. Mak Cik Limah mengisi sarung tilam itu dengan _____.

- ☐ A bebuli
- ☐ B lelabu
- ☐ C kekabu
- ☐ D bebenang